



SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)

LAPORAN HARIAN
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017
15 NOVEMBER 2017

Laporan **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak** Statistik Survelan Wabak Penyakit Rabeis.

1. Program pemvaksinan dan survelan haiwan kesayangan.

Secara kumulatif, bilangan haiwan kesayangan divaksinasi anti-Rabies adalah sebanyak **41,832 ekor** yang terdiri dari **33,883 ekor anjing**, **7,904 ekor kucing** dan **45 haiwan lain**.

2. Pengawalan populasi anjing terbiar.

Operasi bersepadu bersama Kementerian Kerajaan Tempatan telah menangkap sebanyak **2,325 ekor anjing** dari Bahagian Kuching, Sri Aman, Sarikei, Samarahan, Betong dan Serian.

3. Kempen kesedaran wabak Rabies.

Sebanyak **506 kempen kesedaran** telah diadakan di sekolah-sekolah, kampung dan tempat-tempat awam terutama dikawasan yang dijangkiti wabak tersebut yang dihadiri oleh kira-kira **36,797 orang peserta**.

4. **Kewajipan mengurung dan larangan membawa keluar anjing dari kawasan wabak Rabies.**

Mengikut Seksyen 37(2) & (3) Ordinan Kesihatan Awam 1999, adalah menjadi kesalahan untuk membiarkan anjing lepas bebas dan membawa keluar anjing tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Veterinar Negeri dari kawasan yang dijangkiti wabak Rabies. Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Laporan harian **Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak** bagi kes gigitan haiwan dan orang yang menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

1. **27 kes** gigitan haiwan baru dilaporkan pada hari ini mengikut bahagian;
 - i. 16 kes daripada Bahagian Kuching
 - ii. 8 kes daripada Bahagian Serian
 - iii. 2 kes daripada Bahagian Samarahan
 - iv. 1 kes daripada Bahagian Sri Aman
 - a) **22 kes** gigitan haiwan peliharaan
 - i. 15 kes gigitan anjing
 - ii. 7 kes gigitan kucing
 - b) **5 kes** gigitan haiwan liar atau tidak bertuan
 - i. 3 kes gigitan anjing
 - ii. 1 kes gigitan tikus
 - iii. 1 kes gigitan kucing
2. Ini menjadikan bilangan kes kumulatif gigitan haiwan yang berlaku mulai 01 April 2017 sehingga ke hari ini adalah berjumlah **4,690 kes**.
3. Secara kumulatif juga, seramai **1,734 orang** telah menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

4. Orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing diminta untuk segera bertindak membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindarkan diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit; dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Disediakan oleh:

Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Sarawak

Sekretariat

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

15 NOVEMBER 2017